



TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**PENYAMPAIAN WATIKAH MAJLIS
PERWAKILAN PENDUDUK WPKL DAN WP
PUTRAJAYA**

2 OKTOBER 2025

**CONNEXION CONFERENCE & EVENT CENTRE
KUALA LUMPUR**

بسم الله الرحمن الرحيم
الحمد لله رب العالمين، وصلاة
وسلام على سيدنا محمد اشرف
المرسلين، وعلى آله وصحبه اجمعين،
ربنا آتنا من لدنك رحمة، وهيئ لنا
من أمرنا رشدا، رب اشرح لي
صدري، ويسر لي أمري، واحلل
عقدة من لساني، يفقهوا قولي.

- Datuk Fahmi, Menteri Komunikasi merangkap Ahli Parlimen Lembah Pantai
- Timbalan Ketua Pengarah, Dato' Thomas
- Ketua-ketua Agensi – Dato' Fadlun, Encik Ismadi (wakil Datuk Bandar)
- Pimpinan Wilayah Persekutuan bagi parti-parti Kerajaan MADANI (YB Tan Kok Wai dan Datuk Azman)
- Sahabat-sahabat Ahli Parlimen
- Yang diraikan, barisan kepimpinan Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan sesi 2025-2028

- Rakan-rakan media
- Para hadirin, tuan-tuan dan puan-puan, saudara-saudari sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Pertama-tamanya marilah kita merafak syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan inayah-Nya, kita dapat bersama-sama pada malam ini dalam Majlis Penyampaian Waticah Pelantikan Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan atau MPPWP bagi sesi 2025-2028.

2. Pada saya, majlis pada malam ini membawa satu makna yang amat besar kerana ini adalah permulaan sebuah amanah baru untuk saudara-saudari semua. Insya-Allah, watah yang akan anda terima pada malam ini adalah manifestasi kepercayaan Kerajaan MADANI kepada para kepimpinan masyarakat untuk berganding bahu dengan pentadbiran di Wilayah Persekutuan.

FORMULA REPRESENTASI SEIMBANG DALAM PENENTUAN KOMPOSISI KEAHLIAN MPPWP DAN AGENSI

Saudara-saudari sekalian,

3. Seperti sedia maklum, pada kali ini, kami telah meneliti semula komposisi MPPWP agar ianya mencerminkan keterangkuman. Semua parti dalam Kerajaan MADANI, baik Pakatan Harapan mahupun Barisan Nasional, diberi ruang untuk mengambil bahagian mengikut formula representasi seimbang yang telah ditetapkan.

4. Formula representasi seimbang ini juga, kita turut gunakan untuk pelantikan ke agensi-agensi utama seperti komposisi keahlian di dalam Lembaga Penasihat DBKL, Lembaga Pengarah Perbadanan Putrajaya, Lembaga Penasihat dan Lembaga Pengarah Perbadanan Labuan, Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu, malah turut digunakan juga di Yayasan Wilayah Persekutuan.

5. Justeru, saya nak menolak sekeras-kerasnya pandangan sesetengah pihak yang mengatakan bahawa perpaduan antara parti di dalam Kerajaan MADANI tidak berfungsi di Wilayah Persekutuan. Itu sama sekali tidak betul. Di peringkat Kerajaan dan hubungan dengan Barisan Nasional misalnya, saya memang berurusan secara langsung dengan Datuk Seri Jo sebagai Pengerusi Perhubungan.

6. Walau bagaimanapun, pelantikan-pelantikan ini saya akan laksanakan dengan meneliti merit dan juga melalui proses tapisan. Di bawah Kerajaan MADANI ini, kita tak boleh lagi letak terperuk dan terperangkap dalam kepompong pemikiran lama – kalau aku Ketua Cabang, Ketua Bahagian, Ketua Cawangan, aku mesti ada jawatan Lembaga Pengarah, MPP dan seumpamanya. Pada saya, *merit should be number one*. Saya sebut semua ini kerana saya mahu saudara-saudari faham tentang tata kelola yang kita sedang betulkan ini.

7. Jadi, saudara-saudari di hadapan saya yang telah pun dilantik sebagai MPPWP ini telah melepasi saringan tersebut. Tahniah! Perlu juga diingatkan bahawa pelantikan saudara-saudari ini adalah untuk memastikan pentadbiran kota ini adalah berpaksikan suara rakyat. Justeru, saudara-saudari perlu menjadi mata dan telinga kepada Kerajaan, dalam masa yang sama menjadi penghubung dan jambatan di antara rakyat dan Kerajaan.

PELUASAN PERANAN MPPWP

Saudara-saudari sekalian,

8. MPPWP tidak boleh lagi bertindak hanya sebagai penghubung aduan rakyat, sebaliknya saudara-saudari perlu bertindak sebagai rakan strategik Kerajaan, khususnya dalam merancang masa depan Wilayah Persekutuan, di mana saudara-saudari perlu melihat diri sendiri sebagai seorang pembuat dasar di peringkat komuniti, bukanlah hanya sekadar pelaksana program.

9. Jika dulu MPPWP berperanan hanya sekadar jawatankuasa di peringkat komuniti, sekarang MPPWP perlu memainkan peranan sebagai sebuah institusi semi-formal yang mengisi ketiadaan ahli majlis di Wilayah Persekutuan ini. Di masa depan, MPPWP boleh berperanan juga sebagai rakan tadbir urus Kerajaan yang berperanan dalam perancangan dasar komuniti bandar.

10. Secara ringkasnya, saya sebutkan 3 peluasan peranan kepada MPPWP selain daripada hanya menganjurkan program:

Pertama: sebagai **penasihat komuniti** di mana MPPWP boleh memberikan input dasar dan cadangan kepada DBKL, Perbadanan Putrajaya serta tidak ketinggalan, Perbadanan Labuan.

Kedua: sebagai **pemantau integriti dasar**, di mana saudara-saudari juga perlu memastikan program-program serta inisiatif-inisiatif Kerajaan sampai kepada kumpulan sasar.

Dan yang ketiga sebagai **penggerak sosial**. Dalam aspek ini, saudara-saudari boleh berperanan dalam pengukuhan modal insan, perpaduan dan jaringan masyarakat.

PENGUMUMAN ELAUN TETAP DAN GERAN AKTIVITI MPPWP

Saudara-saudari sekalian,

11. Saya faham, menjadi MPPWP ini banyak tugasnya. Dengan peluasan peranan tadi, maknanya saya tambah lagi kerja atau mimpi baru untuk saudara-saudari.

12. Untuk itu, saya nak umumkan bahawa mulai penggal ini, Timbalan Pengerusi Zon dan Setiausaha Zon akan diberikan elaun tetap. Alhamdulillah, saya telah bawa perkara ini ke perhatian Perdana Menteri, dan beliau telah bersetuju untuk meluluskan elaun sebanyak 1 ribu ringgit sebulan kepada Timbalan Pengerusi Zon, dan 750 ringgit sebulan untuk Setiausaha Zon.

13. Selain itu, bagi menyokong pelaksanaan aktiviti MPPWP, Kerajaan juga bersetuju untuk meningkatkan peruntukan Geran Aktiviti bagi peringkat Zon daripada 50 ribu ringgit kepada 60 ribu ringgit setahun, manakala bagi Sub-zon pula, kita bersetuju untuk naikkan daripada 20 ribu ringgit kepada 25 ribu ringgit setahun.

14. Pengumuman ini adalah pengiktirafan Kerajaan kepada peranan besar yang dimainkan oleh MPPWP dalam menggerakkan komuniti. Namun, ianya perlu datang dengan sebuah amanah yang besar. Saya minta agar setiap perbelanjaan mesti direkodkan dengan teliti, dan apa yang lebih utama adalah pelaksanaan program MPPWP itu perlu membawa manfaat kepada rakyat.

HARAPAN YB MENTERI

Saudara-saudari sekalian,

15. Dengan pengumuman yang saya sebutkan tadi, sudah pasti saya meletakkan harapan yang tinggi kepada semua ahli MPPWP pada penggal kali ini. Jadilah pemimpin masyarakat yang mendengar suara rakyat, dan dalam masa yang sama, turut menawarkan penyelesaian yang praktikal dan berkesan kepada Kerajaan.

16. Saya ingin ingatkan bahawa integriti perlu menjadi asas dalam setiap tindakan. Gunakanlah sebaik-baiknya kedudukan ini untuk meningkatkan keyakinan rakyat kepada Kerajaan, bukan untuk kepentingan peribadi. Saya percaya apabila integriti kita terpelihara, rakyat akan terus menghormati dan akhirnya menaruh kepercayaan kepada Kerajaan semasa.

17. Saya mahu MPPWP menjadi contoh terbaik *in term of* kepimpinan masyarakat bandar. Insya-Allah, dengan sokongan Kerajaan, dan dengan tekad bersama, kita mampu menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai model ketamadunan MADANI yang sering disebut-sebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selama ini.

PENUTUP

Saudara-saudari sekalian,

18. Akhirul kalam, sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada saudara-saudari semua atas pelantikan ini. Laksanakan lah amanah ini dengan penuh dedikasi dan iltizam. Jadilah pemimpin yang meninggalkan kesan kerana kerja atau usaha kita membangunkan komuniti, bukan hanya kerana jawatan yang dipegang.

19. Saya percaya dengan iltizam yang kuat dan kerjasama yang erat di antara Kerajaan dan juga MPPWP, insya-Allah, kita mampu membawa Wilayah Persekutuan ini bersama-sama ke arah sebuah masa depan yang lebih progresif. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberkati kita semua.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah
wassalamu'alaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

Terima kasih.